

Giliran Asia pimpin dunia

Daripada A Nazri Abdullah

BELJING, Rabu - Asia akan memiliki semula tempatnya dalam peradaban dunia apabila pemodenan dan pembangunan ekonomi China melengkapkan putaran roda kemajuan di rantau ini, tegas Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, Eropah mungkin tidak suka dengan pandangan ini tetapi tidak ada alasan mengapa negara Asia patut membantu Eropah secara aktif bagi mengagalkan China dan melambatkan Asia mendapat haknya sebagai warga dunia yang saksama dan setaraf dengan negara lain.

Berucap di Sidang Puncak China 1994 anjuran *International Herald Tribune* di sini, hari ini, Dr Mahathir berkata negara Asia Tenggara dan Asia tidak perlu bimbang dengan kemunculan China sebagai negara yang kaya dan kuat kerana mereka dapat menikmati limpahan kekayaan melalui perniagaan dan perhubungan ekonomi.

"Negara China yang makmur akan menjadi enjin pertumbuhan ekonomi bagi Asia Timur termasuk Asia Tenggara dan dunia. Jika 1.2 bilion penduduk China menikmati hanya separuh saja daripada kekayaan rakyat Amerika, pasaran yang diwujudkan adziah berlipat kali ganda besarnya," katanya.

Menurut Dr Mahathir, walaupun China dijangka menjadi negara pengeksport, negara itu masih perlu mengimport dari negara Asia

minyak makan, gas, ke-
luaran petroleum dan
barangan buatan yang
lain.

Dr Mahathir berpendapat, langkah China mengekalkan politik sosialis ketika melaksanakan ekonomi pasaran sebagai langkah yang betul kerana dapat mengelak wujudnya anarki ekonomi dan politik seperti yang dideritai oleh Russia.

Mengenai kebimbangan China muncul sebagai kuasa tentera, Dr Mahathir berkata perkara ini tidak dapat dielakkan kerana China yang kaya akan berbelanja lebih untuk angkatan tenteranya. Ketika itulah China akan benar-benar muncul sebagai kuasa dunia yang mempunyai kekuatan politik.

Bagaimanapun, Dr Mahathir menolak kemungkinan China menjadi kuasa penjajah seperti Barat kerana berdasarkan sejarahnya yang panjang China tidak pernah mengamalkan dasar pemilikan wilayah dan penjajahan.

"Jiran China mungkin kehilangan sedikit wilayah yang dituntut, tetapi sejarah China tidak menunjukkan penaklukan dan penjajahan sebagai amalan mereka. Rekod China berbeza sama sekali dengan kuasa Eropah," katanya.

Perdana Menteri berpendapat kebimbangan China muncul sebagai penjajah terbayang di pemikiran Eropah kerana dari segi sejarahnya, penaklukan secara kekerasan atau pendu-

dua negara Barat mencari kekayaan dan mempertahankan diri.

"Jika negara Asia Tenggara tidak kkuatir dengan Jepun, mereka sepatutnya tidak bimbang dengan China. Jika kita terpaksa bimbang kita mestilah bimbang kedua-duanya sekali," katanya.

Mengenai kehadiran kuasa Barat di rantau ini, Perdana Menteri berpendapat ia tidak membawa sebarang perbezaan terutama selepas apa yang berlaku di Haiti, Somalia, Bosnia dan Rwanda.

"Ia memerlukan hanya seorang tentera mati sebelum semua tentera ditarik balik," katanya merujuk peristiwa penarikan tentera Amerika dari Somalia selepas seorang askarnya mati.

Menurut Dr Mahathir, negara Asia mempunyai pandangan yang berbeza terhadap China kerana mereka memahami China.

"Asia memahami percubaan China. Kami memahami mengapa China membuat percubaan ini (ekonomi pasaran sosialis). Kami memahami bagaimana China akan melaksanakan proses merevolusikan masyarakatnya ke arah menyediakan kemakmuran yang menyeluruh untuk rakyatnya di abad ke 21.

"Kami di Asia Tenggara sentiasa merasai pengaruh China. Hampir semua negara di Asia Tenggara mempunyai penduduk minoriti Cina. Kami memahami Cina dan memahami negara